

Monoteisme dalam Agama Sikh

RAZALEIGH MUHAMAT @ KAWANGIT

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan melihat doktrin monoteisme atau penyembahan kepada satu tuhan dalam agama Sikh. Kajian tentang monoteisme Sikh ini termasuklah kajian tentang kekuatan sumber monoteisme, faktor-faktor dalaman dan luaran doktrin monoteisme Sikh dan teori amalan monoteisme yang tertulis dalam buku suci Guru Granth Sahib Ji. Ruang lingkup perbincangannya diluaskan lagi mencakupi aspek-aspek ibadat dan kehidupan sosial penganut-penganut agama tersebut terutama sekali dari sudut praktis yang mempunyai unsur-unsur monoteisme. Artikel ini menemui satu kesimpulan bahawa doktrin monoteisme agama Sikh dipengaruhi sebahagian besarnya oleh agama Islam sama ada secara langsung atau tidak langsung. Manakala dilihat dari sudut praktisnya teori monoteisme Sikh sudah diadaptasikan dengan nilai-nilai politeisme agama Hindu.

ABSTRACT

This article views the doctrine of monotheism in Sikh religion. It includes on strengthness of resources of monotheism, internal and external factors of Sikh monotheism doctrine and practical theory of monotheism started in the holy book of Guru Granth Sahib Ji. The scope of this article is further broaden to include the aspects of worship, culture and superstition and social lives of the worshippers especially in view of practices on monotheism. Finally this article conclude that the doctrine of Sikh monotheism is greatly influenced by the religion of Islam directly and indirectly. Practically, Sikh monotheism theory has been adapted with Hinduism polytheism substances.

PENDAHULUAN

Sikh merupakan satu istilah yang merujuk kepada golongan masyarakat yang asalnya terdapat di negeri Panjab, utara India dan golongan ini menganut agama yang dikenali sebagai agama Sikh. Perkataan Sikh dalam bahasa Panjabi bermaksud *penuntut* atau *penganut* dan dalam bahasa Inggeris ia disebut sebagai *disciple*. Pengertian ini berasaskan kepada sepuluh orang guru yang dianggap mulia dan menjadi ikutan penganut agama Sikh (Buck 1977: 163).

Penganut agama Sikh percaya kepada penyembahan tuhan yang satu dan Dia sahaja yang perlu disembah kerana tuhan tersebut dianggap mutlak dan Esa.

Agama Sikh juga menentang ciri-ciri penyembahan kepada tuhan yang banyak dalam bentuk pemujaan patung-patung dan sebagainya. Atas dasar inilah agama Sikh dikatakan mempunyai unsur-unsur monoteisme. Monoteisme diertikan sebagai amalan dan kepercayaan kepada satu tuhan. Menurut al-Sayed Muhammad Rashid Reda (1986), amalan monoteisme dalam sesuatu agama akan menjadikan penganutnya takut untuk melakukan hal-hal yang dimurkai tuhan yang esa yang mendatangkan kerosakan kepada diri dan anggota masyarakat.

Guru Nanak Dev, iaitu tokoh dan seorang guru dalam agama Sikh yang dianggap sebagai pengasas agama Sikh telah mengaitkan unsur-unsur monoteisme apabila beliau mengasaskan agama ini. Unsur-unsur ini termasuk dari sudut doktrin ketuhanan, penerimaan *wahyu*, kandungan buku suci dan amalan sosial masyarakat Sikh. Dari satu sudut, walaupun agama ini dikatakan sebagai reformasi kepada agama Hindu, tetapi ajaran monoteisme yang terkandung menjadikan agama Sikh ini terlalu jauh daripada landasan kepercayaan agama Hindu.

Monoteisme adalah tunjang utama dalam agama *samawi* iaitu Yahudi, Kristian dan Islam. Walaupun secara praktisnya, amalan monoteisme ini berlainan di kalangan tiga agama tersebut, tetapi teori monoteisme adalah sebagai membuktikan tiga agama tersebut mempunyai pertalian dengan wahyu. Dari sudut agama Sikh ini, doktrin monoteismenya perlu dikaji dan diteliti sama ada ianya mempunyai kaitan dengan doktrin monoteisme agama-agama samawi, atau adakah ianya mempunyai asas-asas yang lain yang lebih kukuh untuk menyokong doktrin tersebut. Sebelum membincangkan lebih lanjut berkaitan monoteisme dalam agama Sikh, perlu dijelaskan latarbelakang penubuhan agama ini kerana ia mempengaruhi konsep monoteisme yang ada dalam ajaran agama tersebut.

SEJARAH KELAHIRAN AGAMA SIKH

Walaupun Guru Nanak Dev diiktiraf sebagai pengasas agama Sikh, tetapi idea asal agama tersebut dikatakan sudah wujud lebih awal daripada itu. Menurut kepercayaan penganut-penganut agama Sikh, pencetus idea kepada agama ini ialah seorang lelaki miskin daripada kasta paling bawah agama Hindu yang bernama Kabir. Dalam kebanyakan buku-buku berkaitan agama Sikh, ditulis bahawa Kabir dilahirkan pada abad ke-15 Masihi, tanpa menyebut tarikh yang tepat dan di mana tempat ia dilahirkan. Ayah Kabir meninggal dunia sewaktu Kabir masih kecil lagi dan beliau dibesarkan oleh ibunya sehingga berumur setahun.

Oleh kerana kesempitan hidup, ibu Kabir mengambil keputusan menghanyutkan Kabir ke sungai Gangga di daerah Benares. Walau bagaimanapun Kabir bernasib baik kerana telah dijumpai oleh sepasang penenun kain Muslim bernama Niru dan Nima dan pasangan suami isteri ini kemudiannya telah membesarkan Kabir dengan cara hidup Islam. Apabila Kabir meningkat dewasa, beliau diberi pengetahuan mengenai ajaran-ajaran yang terdapat dalam agama

Islam dan agama Hindu. Di samping itu, Kabir juga meminati karya-karya seni seperti syair dan sajak, terutama karya-karya yang dihasilkan oleh Ramanand, yaitu seorang tokoh reformis Hindu. Walaupun Kabir mempunyai pengetahuan mengenai ajaran-ajaran yang terdapat dalam agama Islam dan Hindu tetapi beliau masih tidak berpuashati dengan kedua-dua agama tersebut malah lebih tertarik kepada karya-karya yang dihasilkan Ramanand (Gobind Singh Mansukhani 1958: 64-66).

Akhirnya idea yang dicetuskan oleh Kabir ini telah dikembangkan oleh Guru Nanak Dev. Guru Nanak Dev mengembangkan idea ini sewaktu beliau selalu pergi ke hutan untuk memikirkan mengenai kepercayaan yang dianuti oleh kaumnya ketika itu, iaitu kepercayaan yang bercampur antara agama Islam dan agama Hindu. Akhirnya pada usia tiga puluh tahun, guru Nanak Dev telah menemui sesuatu yang baru dalam hidupnya dan kembalinya beliau daripada hutan, beliau memberitahu isterinya bahawa beliau telah menjadi seorang guru. Apabila ditanya oleh isterinya apakah maksud guru itu, beliau memberitahu bahawa guru adalah orang yang ditugaskan untuk mengajar suatu kepercayaan. Apabila ditanya lagi oleh isterinya apakah kepercayaan tersebut, Guru Nanak Dev memberitahu bahawa "tidak ada Hindu dan tidak ada Muslim" (Lewis 1991: 189).

Selepas daripada itu Guru Nanak Dev terus mengembangkan agama Sikh dengan mengembara dan merantau ke seluruh pelusuk India. Faktor keseimbangan kepercayaan, iaitu antara kepercayaan agama Hindu dan agama Islam telah banyak membantu mempercepatkan perkembangan agama Sikh. Faktor ini dilihat hasil daripada keadaan masyarakat di India pada ketika itu yang dikatakan mengalami kekeliruan antara kepercayaan tradisi, iaitu tradisi agama Hindu dengan kepercayaan tauhid daripada penyebaran agama Islam.

Apabila diteliti dari sejarah kelahiran agama Sikh, dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa pengaruh luar yang mempengaruhi kelahiran agama Sikh pada masa itu. Pengaruh yang paling asas sekali ialah keadaan kepercayaan dan anutan masyarakat di sekeliling Guru Nanak Dev ketika beliau mengasaskan ajaran Sikh. Keadaan masyarakat pada masa tersebut digambarkan sebagai masyarakat yang mempunyai dua anutan iaitu menganut agama Islam dan agama Hindu. Atas alasan keselamatan diri dan keluarga, maka dilihat pada masa tersebut masyarakat dua agama ini mengamalkan anutan yang bercampur antara anutan Islam dan anutan Hindu. Inilah sebab kerisauan Guru Nanak Dev sehingga beliau mengasaskan agama baru yang dinamakan agama Sikh.

Daripada amalan masyarakat yang mengamalkan anutan yang bercampur inilah telah mempengaruhi beberapa doktrin dalam agama Sikh. Jika dilihat dengan mendalam kebanyakan pengaruh agama Islam datang dalam bentuk teori. Ini termasuklah dalam doktrin monoteisme, doktrin guru, doktrin wahyu dan beberapa teori lagi. Dari sudut teori, secara tidak langsung agama Sikh dapat mempengaruhi dan mengambil hati orang Islam pada masa itu untuk mengiktiraf agama ini sebagai satu agama yang berbentuk sejagat dan bukan berbentuk politeisme.

Pengaruh agama Hindu pula datang dalam bentuk praktis dalam agama Sikh. Ini termasuklah dalam praktis sembahyang di mana penganut Sikh secara praktisnya sujud kepada Guru Granth Sahib Ji (buku suci agama Sikh), juga dalam menerima pakai Hukum Karma dalam kehidupan dan dalam beberapa amalan sosial yang lain. Dalam perkara yang menyentuh masalah Hukum Karma, Guru Arjan Dev iaitu guru agama Sikh yang ke-5 ada menyatakan (Nirbhai Singh 1990: 22):

Pada masa kamu berjasad sebagai manusia, maka inilah peluangnya kamu mendekati diri kepada tuhan, selepas ini kita akan bertukar-tukar jasad kecuali kita ingat tuhan yang benar.

katanya lagi:

...sembahyanglah dan ingat tuhanlah selalu demi kelahiran yang lebih sempurna.

ASAS MONOTEISME AGAMA SIKH

Bermula daripada munculnya agama Sikh, agama ini terus berkembang di antara dua agama besar yang telah sedia ada iaitu agama Hindu dan agama Islam. Sifat pertentangan doktrin antara agama Hindu dan agama Islam serta ciri-ciri anutan dan sosial kedua-dua agama tersebut telah membantu kepada perkembangan agama Sikh. Terdapat beberapa doktrin agama yang menjadi asas kepada monoteisme agama Sikh serta mempunyai kelainan antara agama Hindu dan agama Islam.

DOKTRIN KETUHANAN

Menurut agama Sikh tuhan adalah satu, tidak dua dan tiga. Bagi mendekati diri kepada tuhan penganut agama Sikh hendaklah menyebut nama tuhan setiap hari terutama sekali dalam upacara keagamaan. Pra-syarat utama untuk mengetahui kasih sayang tuhan kepada pengikut-pengikutnya ialah dengan melaksanakan kasih sayang dalam diri sendiri, kemudian kepada keluarga, kemudian kepada orang yang terdekat dan akhirnya kepada masyarakat terutama sesama anutan agama.

Ajaran ini juga menyatakan bahawa penyembahan kepada sesuatu objek adalah perbuatan yang sia-sia kerana yang mesti disembah oleh seluruh manusia adalah tuhan yang satu. Tuhan dalam agama Sikh adalah tuhan Yang Maha Berkuasa, tidak beranak dan diperanakkan, tiada sesuatu yang menyerupainya dan Dialah yang mencipta alam semesta dan tuhan yang maha adil tidak membezakan menurut darjat dan pangkat. Dari konsep inilah agama Sikh menolak adanya kasta di kalangan manusia. Kasta menurut agama Sikh akan membawa kepada permusuhan di kalangan manusia.

Menurut ungkapan-ungkapan dan bait-bait dalam buku suci Guru Granth Sahib Ji, tuhan itu meliputi sifat-sifat kesempurnaannya. Buku suci ini menyebut

nama tuhan yang dinisbahkan kepada sifatnya dengan panggilan *Sat Nam* yang bermaksud *Yang Maha Benar*. Nama ini telah diletakkan pada ayat pertama di dalam kitab suci dan diletakkan di setiap bahagian dalam buku suci tersebut. Guru Nanak Dev ketika ditanya oleh pengikutnya mengenai kepentingan nama *Yang Maha Benar* ini dalam agama telah menyatakan bahawa nama tersebut adalah tuhan dari seluruhnya. Pengikut yang mempercayai nama tersebut akan terhindar dari segala rintangan dan akan memperoleh keselamatan. Sebab itulah nama *Yang Maha Benar* mendahului setiap upacara keagamaan (Pritam Singh Gill 1979: 14-15).

Penganut agama Sikh percaya bahawa perkataan *Sat Nam* merupakan ungkapan yang pertama terucap dari mulut Guru Nanak Dev semasa beliau menerima wahyu dari tuhan. Lanjutan daripada peristiwa inilah beliau menyatakan bahawa beliau adalah seorang Guru. Penganut Sikh juga diajar dan disuruh mempercayai bahawa tuhan itu bukanlah sesuatu benda atau barang yang ajaib, tetapi tuhan adalah punca segala kebenaran dan sifat-sifat tuhan dapat diketahui melalui perantaraan guru-guru agama Sikh.

Selain daripada nama *Sat Nam* nama tuhan juga disebut dalam buku suci dengan panggilan *Wahiguru* yang bermaksud *Tuhan Yang Menakjubkan*. Di samping menyebut nama *Sat Nam* penganut Sikh juga hendaklah menyebut nama *Wahiguru* sebagai cara untuk mengingati tuhan dalam kehidupan seharian. Nama-nama tuhan yang dinisbahkan kepada sifat-sifatnya ini bukan sahaja disebut dalam upacara keagamaan sahaja bahkan disebut dalam penggunaan seharian dengan tujuan supaya dapat selalu hampir dengan tuhan. Ini juga sebagai satu praktis menerapkan unsur keagamaan dalam kehidupan sosial (McLeod 1980: 70).

UNSUR-UNSUR MONOTEISME DI DALAM GURU GRANTH SAHIB JI

Buku suci Guru Granth Sahib Ji diusahakan penulisannya oleh Guru Arjan Dev, guru yang kelima daripada sepuluh orang guru agama Sikh, iaitu setengah abad selepas kematian Guru Nanak Dev. Pengumpulan dan penulisan ajaran Sikh di dalam sebuah buku suci, asalnya dikenali dengan nama *Adi Granth*. Sebelum kematian Guru Arjan Dev nama *Adi Granth* telah ditukar kepada nama Guru Granth Sahib Ji yang bermaksud *Buku Tuhan*.

Selepas itu, Guru Granth Sahib Ji diperlengkapkan lagi isi kandungannya oleh guru yang kesepuluh, iaitu Guru Gobind Singh dengan menambah beberapa ajaran yang tidak tertulis sebelum itu. Guru Gobind Singh juga telah membahagikan buku suci ini kepada dua bahagian iaitu:

Adi Granth – bermakna buku asli. Ia juga dikenali sebagai *Buku Pertama*. Dalam buku ini tertulis ajaran-ajaran yang dibawa oleh guru-guru agama Sikh dari guru pertama hingga guru yang ketujuh, di samping memuatkan beberapa pandangan agama Hindu dan agama Islam terutama yang menyentuh monoteisme dan bermasyarakat yang dianggap berkaitan dengan agama Sikh. Kesemua karya

yang terhimpun dalam buku suci ini telah ditulis oleh tiga puluh tujuh penulis yang mendapat keizinan menulis dari guru-guru agama Sikh. Salinan yang ada sekarang mempunyai 1,570 halaman.

Dasam Granth – bermakna *Buku Guru Kesepuluh* (The Granth of the tenth Guru). Sebagaimana *Adi Granth*, buku ini juga memuatkan ajaran agama Sikh dan beberapa pandangan tokoh daripada agama Hindu dan agama Islam dalam beberapa perkara terutama yang menyentuh ketuhanan dan sosial. Pandangan-pandangan yang ada dalam buku ini ditulis dalam bait-bait sajak dan syair. Antara tokoh-tokohnya termasuklah Ramanand, Jaider, Nander, Syeikh Farid, Syeikh Sadhna dan guru-guru agama Sikh sendiri (Sherratt & Hawkin 1972: 194-195).

Beberapa orang tokoh Islam yang terdapat dalam buku suci *Guru Granth Sahib Ji* ini membuktikan bahawa unsur-unsur pengaruh Islam telah diadaptasi dalam ajaran agama Sikh ini. Secara tidak langsung juga perbincangan tokoh-tokoh Islam ini berkisar dalam perkara-perkara yang menyentuh masalah keesaan tuhan, sifat-sifat tuhan dan penolakan terhadap penyembahan berhala dalam ibadat. Walaupun penyampaian tokoh-tokoh Islam ini dalam bentuk prosa sajak yang lebih mengetengahkan nilai-nilai estetika puisi, tetapi mesej keesaan tuhan dapat dilihat dengan jelas. Antara prosa-prosa yang menyentuh konsep ketuhanan dalam *Guru Granth Sahib Ji* ialah;

Tuhan itu Esa, namanya Yang Maha Benar, pencipta, sunyi daripada takut dan permusuhan, tidak berbaka, Maha Besar dan Maha Pengasih, Yang Maha Benar dan Maha Esa itu azali dari asalnya (Trumpp 1877: 35).

Siapa yang harus dipanggil dengan yang kedua?, tidak ada yang lain! Alam keseluruhannya berada di bawah jagaan Yang Maha Agung dan Maha Esa, pada-Mu tidak ada yang lainnya. Di dalam seluruh masa hanya Engkau Yang Maha Esa (Macauliffe 1909: 17).

Terkurung dan terbebas itu menurut kehendak-Mu. Tiada sesiapaupun yang campurtangan sewenang-wenangnya kerana Dia itu berbuat sekehendaknya. Tiada tunduk kepada perintah sesiapaupun. Dia itu Raja segala Raja. Seluruhnya tunduk di bawah kemahuaannya (Macauliffe 1904: 8-10).

KEPERCAYAAN GURU-GURU AGAMA SEBAGAI *PERANTARA*

Guru-guru dalam agama Sikh adalah seorang yang mulia dan sebagai perantara antara tuhan dan penganut. Guru-guru ini juga bertindak sebagai orang yang dipertanggungjawabkan menjaga kesinambungan agama Sikh ini dengan ajaran-ajaran yang diajarkan mereka. Agama Sikh mempunyai sepuluh orang guru yang berperanan besar dalam memastikan perkembangan agama ini. Sepuluh orang guru ini dianggap sebagai panduan penganut agama ini. Selepas kematian guru yang kesepuluh iaitu Guru Gobind Singh pada 1708 Masihi, penganut-penganut agama Sikh menganggap buku *Guru Granth Sahib Ji* sebagai panduan.

Selepas kematian Guru Gobind Singh tidak ada lagi seseorang yang dianggap sebagai guru. Walau bagaimanapun, keperluan kepada seorang pemimpin agama masih lagi diakui. Oleh yang demikian, penganut-penganut agama Sikh melantik

ketua-ketua agama terutama sekali dalam mengetahui upacara agama yang rasmi sama ada di Gurdwara (tempat suci penganut agama Sikh) atau dalam upacara-upacara agama yang berbentuk perayaan dan kehidupan sosial. Sepuluh orang guru agama Sikh mengikut urutan ialah seperti berikut;

1. Guru Nanak Dev (1469 – 1539 Masihi).
2. Guru Angad Dev (1504 – 1552 Masihi).
3. Guru Amar Das (1479 – 1574 Masihi).
4. Guru Ram Das (1534 – 1581 Masihi).
5. Guru Arjan Dev (1563 – 1606 Masihi).
6. Guru Hargobind (1595 – 1638 Masihi).
7. Guru Har Rai (1630 – 1660 Masihi).
8. Guru Har Krishnan (1656 – 1664 Masihi).
9. Guru Tegh Bahadur (1621 – 1675 Masihi).
10. Guru Gobind Singh (1666 – 1708 Masihi).

Dari sudut teorinya dapat disimpulkan bahawa peranan guru dalam agama Sikh menyerupai peranan yang dimainkan oleh rasul dan nabi dalam agama Islam, iaitu menerima wahyu daripada Tuhan dan disuruh mengajarkannya dan mengembangkannya kepada seluruh umatnya secara khusus dan kepada manusia secara umum. Dalam agama Sikh golongan guru dianggap mulia dan suci daripada dosa-dosa. Golongan ini menerima wahyu sama ada sebelum menjadi guru atau selepas menjadi guru. Di bahu para guru inilah diletakkan tanggungjawab untuk menjaga kesucian agama Sikh dan para guru ini juga dipertanggungjawabkan untuk menyebarkan agama Sikh.

LIMA RUKUN AGAMA

Penganut agama Sikh mempunyai cara yang tersendiri dalam mempraktikkan ajaran agama dalam kehidupan seharian mereka walau di mana juga mereka berada. Salah satu caranya ialah dengan mengamalkan lima rukun suci yang diajarkan kepada mereka. Lima rukun ini mempunyai nilai-nilai agama yang hendak dipraktikkan dalam kehidupan. Lima rukun ini juga dianggap kayu pengukur kepada ketaatan seseorang itu kepada agamanya. Rukun-rukun tersebut ialah (Gurnam Kaur 1990: 81-117):

1. *Kesh* – menyimpan dan membiarkan rambut yang panjang pada tubuh badan. Ini kerana dikatakan guru-guru agama Sikh menyimpan rambut yang panjang. Menurut agama Sikh, salah satu cara untuk menerima ajaran yang suci daripada guru-guru agama Sikh ialah dengan meniru mereka dari sudut jasmani dan rohani.
2. *Kanggha* – merujuk kepada sikat atau penyisir rambut yang diperbuat daripada kayu dan sikat tersebut hendaklah sentiasa dibawa. Sikat ini adalah penting untuk menjaga rambut yang panjang. Justeru, dengan adanya sikat,

penganut agama Sikh akan kelihatan kemas dan bersih sepanjang masa. Penganut agama Sikh perlu menyisir rambut mereka dengan sikat tersebut dan pada waktu yang sama mengingatkan bahawa hati mereka mesti sentiasa disisir supaya menjadi bersih.

3. *Kerpan* – merujuk kepada pedang atau senjata kecil yang tajam. Penganut Sikh perlu menyimpan dan menghormatinya sebagai simbol kekuatan dan menjaga harga diri. Menyimpannya dianggap sebagai ketaatan kepada agama kerana sanggup melakukan apa sahaja demi kepentingan agama.

4. *Kashehra* – memakai seluar pendek yang dijahit khas. Pemakaiannya adalah sebagai simbol untuk memudahkan pergerakan ketika waktu-waktu genting dan darurat sepertimana mudahnya bergerak askar-askar Sikh ketika mempertahankan agama mereka. Pemakaiannya juga dikatakan dapat mengukuhkan hubungan antara suami isteri yang menggambarkan keakraban dan sehaluan dalam menempuh hidup.

5. *Kara* – memakai gelang besi pada lengan kanan pada setiap masa. Penganut agama Sikh percaya dengan memakai gelang ini akan dapat mengingatkan janji mereka untuk menjaga kesucian agama di samping untuk membuktikan ketaatan mereka dengan ajaran agama.

Walaupun lima rukun dalam agama Sikh lebih menunjukkan kepada amalan sosial seharian, tetapi dari sudut kepentingan lima rukun ini secara teorinya menyamai lima rukun agama Islam terutamanya dari sudut bilangan rukun. Jika lima rukun dalam agama Islam diguna pakai sebagai asas kepatuhan kepada tuhan yang esa, kepentingan lima rukun dalam agama Sikh juga mempunyai asas yang sama. Secara umumnya lima rukun dalam agama Sikh adalah untuk menzahirkan lagi doktrin monoteisme dalam agama tersebut.

KEPERCAYAAN KEPADA WAHYU

Kepercayaan penganut Sikh kepada wahyu telah ditanam sejak daripada awal penubuhan agama ini. Ianya bermula apabila Guru Nanak Dev mendakwa bahawa beliau telah menerima wahyu untuk mewujudkan agama baru yang diberi nama agama Sikh. Menurut beliau wahyu tersebut juga telah mengamanahkan kepadanya untuk mengembangkan agama Sikh dan pada waktu yang sama diamanahkan untuk menjaga kesucian agama tersebut. Atas dasar penerimaan wahyu inilah Guru Nanak Dev dianggap sebagai pengasas kepada agama Sikh. Terdapat dua teori berkaitan kepercayaan wahyu dalam agama Sikh (Razaleigh Muhamat @ Kawangit 1998: 45-50), iaitu:

1. Kepercayaan wahyu berdasarkan kepada sejarah hidup Guru Nanak Dev – Guru Nanak Dev hidup dalam Islam dan mengamalkan ajaran Islam selama dua puluh tiga tahun. Malah mengikut beberapa pendapat, beliau pernah mempelajari ilmu-ilmu Islam sehingga sampai ke Baghdad, pusat perkembangan ilmu-ilmu Islam. Beliau juga dikatakan pernah sampai ke Haramain, iaitu Mekah

dan Madinah menunaikan haji menurut ajaran Islam. Berdasarkan kepada sejarah hidup dan pengetahuan Guru Nanak Dev ini, kepercayaan kepada wahyu dalam agama Sikh diasaskan.

2. Kekeliruan kepercayaan masyarakat sekeliling – Kekeliruan ini disebabkan oleh masyarakat sekeliling pada masa tersebut terikat dengan amalan tradisi agama Hindu yang bercorak politeisme dan pada waktu yang sama ajaran tauhid agama Islam melanda masyarakat tersebut. Akhirnya ianya menimbulkan kekeliruan kepercayaan. Sesetengah daripada mereka ada yang percaya kepada ajaran tauhid agama Islam tetapi masih mengamalkan amalan budaya tradisi agama Hindu. Masyarakat sekeliling pada masa tersebut percaya agama tauhid adalah bersumberkan wahyu dan mempunyai sebab-sebab yang kukuh untuk dianuti, cuma perasaan takut sahaja yang menjadikan mereka masih lagi mengamalkan budaya tradisi agama Hindu. Pada masa ini adalah masa yang tepat Guru Nanak Dev memperkenalkan ajaran yang mempunyai keseimbangan antara agama Hindu dan agama Islam termasuklah menanamkan kepercayaan kepada wahyu di kalangan penganut agama Sikh.

PRAKTIS AGAMA SIKH

SEMBAHYANG DI GURDWARA

Upacara keagamaan yang biasanya dilakukan di gurdwara ialah sembahyang secara berkumpulan atau beramai-ramai. Upacara sembahyang berkumpulan ini biasanya ditentukan hari dan waktunya oleh sesebuah gurdwara tersebut. Hari dan masa sembahyang atau perkumpulan adalah berlainan antara satu gurdwara ke gurdwara yang lain. Pada kebiasaannya, upacara dan perkumpulan itu dilakukan sekali dalam seminggu. Selain berkumpulan sekali seminggu penganut Sikh juga bersembahyang di gurdwara jika ada melibatkan urusan keagamaan yang berkaitan dengan adat resam seperti majlis pertunangan dan perkahwinan, majlis kematian, menyambut hari perayaan dan sebagainya.

Upacara sembahyang akan dimulakan dengan nyanyian yang dipetik dari buku suci Guru Granth Sahib Ji dengan iringan muzik sambil menunggu penganut-penganut Sikh masuk dan memenuhi dewan sembahyang. Setiap seorang penganut agama Sikh yang memasuki dewan sembahyang dikehendaki terlebih dahulu tunduk dan sujud di depan buku suci Guru Granth Sahib Ji yang diletakkan di depan dewan sembahyang, di tempat yang khas dan tinggi sedikit yang menyerupai astaka. Tunduk dan sujud di depan buku suci adalah sebagai simbol menghormati buku suci seolah-olah menyembah raja.

Pada waktu yang sama, nyanyian dari petikan Guru Granth Sahib Ji dengan diiringi muzik diteruskan sehinggalah dewan sembahyang dipenuhi oleh penganut agama Sikh dan tiba waktu yang ditetapkan untuk upacara bersembahyang beramai-ramai. Upacara sembahyang dimulakan dengan seorang ketua agama membacakan petikan-petikan dari buku suci Guru Granth Sahib Ji.

Selesai sahaja bacaan buku suci tersebut, semua penganut yang memenuhi dewan sembahyang akan bangun dan dengan diketuai oleh ketua agama upacara sembahyang dijalankan dengan membaca ungkapan-ungkapan dari buku suci. Selepas itu, penganut agama Sikh akan tunduk dan sujud beramai-ramai di depan buku suci Guru Granth Sahib Ji sambil meniatkan isi hati masing-masing. Upacara sembahyang selesai dengan pembahagian pemanis mulut atau manisan pada setiap penganut yang memenuhi dewan sembahyang (Razaleigh Muhamat @ Kawangit 1998: 65-70).

Amalan sembahyang ini jelas menunjukkan kepada praktikal politeisme. Unsur-unsur penyembahan kepada buku suci jelas dilihat. Begitu juga amalan iringan muzik dan bunyi-bunyian yang diamalkan adalah mirip kepada amalan agama Hindu. Petikan prosa yang dibacakan daripada buku suci adalah berkaitan dengan pesanan dan amanat guru-guru agama Sikh. Tidak kelihatan unsur-unsur teori monoteisme dipraktiskan dalam amalan sembahyang di gurdwara ini.

PERAYAAN UTAMA

Perayaan utama dan hari yang dimulihkan oleh penganut Sikh ialah *Hari Barsakhi Mela*, iaitu perayaan yang disambut pada 13 April setiap tahun. Hari ini juga menandakan bermulanya tahun baru masyarakat Sikh. Hari Barsakhi Mela dianggap istimewa dan perlu dirayakan oleh penganut Sikh pada tiap-tiap tahun. Ianya juga bertujuan untuk mengingati jasa guru yang kesepuluh, iaitu Guru Gobind Singh yang banyak memberikan reformasi kepada ajaran Sikh. Selain daripada sambutan perayaan Hari Barsakhi Mela, masyarakat Sikh juga akan menyambut perayaan ulang tahun kelahiran Guru Nanak Dev pada bulan November dan perayaan ulang tahun kelahiran Guru Gobind Singh pada bulan Disember (Sikh Naujawan Sabha Malaysia 1969).

Selain daripada perayaan Hari Barsakhi Mela, perayaan menyambut ulang tahun kelahiran Guru Nanak Dev dan perayaan menyambut ulang tahun Guru Gobind Singh, banyak lagi perayaan yang dirayakan oleh masyarakat Sikh, antaranya ialah perayaan *Maghi* disambut dalam bulan Januari, perayaan *Cheharta Sahib* disambut juga dalam bulan Januari, perayaan *Hola Mohalla Mela* disambut antara bulan Februari hingga Mac, perayaan *Bab Bakale* disambut dalam bulan Ogos, perayaan *Goindwal* disambut dalam bulan September dan beberapa perayaan lagi terutama perayaan menyambut kelahiran dan kematian sepuluh orang guru agama Sikh.

Perayaan-perayaan penting yang disambut masyarakat Sikh dilakukan di gurdwara. Semua penganut Sikh tidak kira di mana berada akan datang ke gurdwara yang berhampiran tempat tinggal masing-masing sejak awal pagi lagi untuk sambutan perayaan. Upacara sambutan akan dimulakan dengan sembahyang dan membaca ungkapan-ungkapan dari buku suci Guru Granth Sahib Ji. Selesai bersembahyang, penganut Sikh akan menikmati jamuan dan makanan yang disediakan di gurdwara secara bergotong-royong. Setiap

penganut mesti menjamah manisan atau halwa sebagai tanda kesyukuran terhadap kejayaan yang diperolehi pada tahun tersebut (Sikh Naujawan Sabha Malaysia 1969).

Walaupun secara teorinya, agama Sikh mempunyai doktrin monoteisme tetapi tidak juga dipraktikkan secara nyata dalam sambutan perayaan penting penganut-penganut agama tersebut. Kebanyakan tujuan sambutan perayaan agama yang dilakukan adalah kerana sebab-sebab yang lain daripada konsep-konsep monoteisme seperti bersyukur kepada tuhan, memuji-muji tuhan dan perkara-perkara yang ada kaitan dengan ketuhanan. Tujuan perayaan penting di dalam agama Sikh adalah mengingatkan dari sudut sejarah pertumbuhan dan perkembangan ajaran ini dan yang mempunyai kaitan dengan ajaran agama tersebut seperti mengingatkan guru-guru agama, memperingati hari kemenangan, memperingati kitab suci dan lam-lam lagi.

KESIMPULAN

Terdapat beberapa persamaan dari sudut monoteisme di antara agama Sikh dan agama Islam. Antaranya dalam konsep ketuhanan, konsep wahyu, konsep perantaraan yang menyerupai nabi dan rasul dan beberapa lagi dari sudut amalan sosial. Tetapi jika dilihat dari sudut praktiknya ianya menyamai apa yang diamalkan oleh agama-agama yang bercorak politeisme terutama sekali yang menghampiri amalan ajaran agama Hindu. Perkara ini berkait rapat dengan sejarah penubuhan agama Sikh sendiri yang cuba mencari jalan tengah antara agama Islam dan agama Hindu pada masa itu. Walaupun dari sudut ajaran, agama ini menekankan konsep-konsep monoteisme, pada waktu yang sama agama ini juga menerima dan menekankan konsep-konsep politeisme terutama sekali yang berkaitan dengan amalan agamanya.

Monoteisme agama Sikh berdasarkan kepada pengaruh monoteisme ajaran agama Islam dan bukan monoteisme ajaran Kristian atau Yahudi. Ini kerana sejarah hidup pengasasnya mempunyai hubungan dengan agama Islam, pengaruh dan perkembangan agama Islam di benua kecil India pada masa penubuhan agama Sikh. Ini membuktikan bahawa konsep monoteisme Sikh adalah berdasarkan kepada monoteisme Islam. Agama ini telah berevolusi selama lima ratus tahun dan dalam tempoh itu, agama ini hidup di bawah pengaruh dua agama iaitu Islam dan Hindu.

RUJUKAN

- Banerjee, Anil Chandra. 1983. *The Sikh Gurus and the Sikh religion*. New Delhi: Munshiram Manoharlal Publishers Ltd..
- Buck, C. H. Major. 1977 *Faith, fair and festivals of India*. India: Asia publication Services.

- Duggal, K. S. 1982. *Philosophy and faith of Sikhism*. U.S.A. The Himalayan International Institute of Yoga Science And Philosophy.
- Fieid, Dorothy. 1914. *Wisdom of the East, the religion of the Sikhs*. London: John Murray, Albemarle street.
- Hopfe, M. Lewis. 1991. *Religion of the world*. New York: Mac Millan Publishing Company.
- Kaur, Gurnam. 1990. *Reason and revelation in Shikhum*. New York: Cosmo Publication.
- Sethi, Amrit Singh. 1974. *Comparative religion*. New Delhi: Dhewan Printing Works, India.
- Sherratt, W. Brian & Hawkin, J. David. 1972. *God and men, a survey of world religion*. Glasgow.
- Lewis, M. Hopfe. 1991. *Religion of the world*. New York: Mac Millan Publishing Company.
- Macauliffe, M. A. 1990. *The Sikh religion, its Gurus, sacred writings and authors*. Vol. V, U.K.. Oxford Press.
- Malkiat Singh Lopo-Dhalliwal & Muktiar Kaur Rattran Soudhu. 1971. *Some Sikh cutural and traditions in Malaysia*. Penang: Lapo-Ghur.
- Mansukhani, Gobind Singh. 1958. *The quintessence of Sikhism*. Amritsar: Shiromani Gurdwara Parbandhak Committee.
- McLeod, W. H. 1980. *Who is a Sikh?, the problem of Sikh identity*. U.K.. Clarendon Press, Oxford.
- Nirbhai Singh. 1990. *Philosophy of Sikhism (reality and its manifestations)*. New Delhi: Atlantic Publisher & Distr.
- Niharranjan Ray. 1975. *The Sikh Gurus and the Sikh society, a study of social analysis*. New Delhi: Munshiram Manoharlal Publisher Ltd..
- Pritam Singh Gill. 1979. *Concepts of Sikhism*. Amritsar: New Academic Publishing Co..
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 1998. *Monoteisme dalam agama Sikh*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Reda, al-Sayyid Muhammad Rashid. 1986. *Tafsir al-manar* Suntingan Ahmad Bukhari J. D. Jilid 4. Jakarta: Bulan Bintang.
- Sikh Naujawan Sabha Malaysia. 1969. *Sikh Naujawan Sabha Malaysia*. Negeri Sembilan: Terbitan Sikh Naujawan Sabha Malaysia.
- Sikh Naujawan Sabha Malaysia. 1969. *Ugama Sikh*. Negeri Sembilan: Chang Litho Press.
- Trumpp, Ernest. 1877. *The Adi Granth or holy scriptures of the Sikhs*. London: Tubner Press.

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor Darul Ehsan
 e-mail: raza@pkrisc.cc.ukm.my